

# UiTM juara debat Keamanan Ala Presiden

**KUALA LUMPUR** – Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara pertandingan Debat Keamanan Ala Presiden antara Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang berlangsung di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) semalam.

Kumpulan UiTM selaku pembangkang menewaskan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada pertandingan akhir merebut Piala Menteri Pengajian Tinggi itu yang membahaskan tajuk "Jika saya Presiden Amerika Syarikat, saya mencadangkan supaya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dibubarkan".

Peserta kumpulan UiTM yang diwakili Mohd. Norsadiq Mohd. Yusof, 22, selaku pendebat dan Adzlan Qushaimi Jamaluddin, 20, bertindak sebagai wakil membawa pulang wang tunai RM10,000 serta

piala pusingan, piala iringan selain beberapa buku tajaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peserta kumpulan UMP iaitu Muhammad Qusyairi Hashim selaku pendebat dan Hafizzudin Mohd. Noor sebagai wakil menerima RM8,000, piala naib johan dan buku tajaan DBP.

Dua lagi kumpulan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang berjaya ke pusingan separuh akhir masing-masing menerima RM3,000 serta piala.

Hadiyah disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa.

Sebanyak 40 pasukan dari 26 institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai pertandingan debat bertemakan Mahasiswa Adalah Keamanan yang bermula pada 28 Februari lepas.